



Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

University Publication Centre (UPENA)

Economics, Business & Finance

Warranty and its Effect towards Customer Satisfaction in Malaysia's Electronic Industry

Mohd. Rizaimy Shaharudin
Maznah Wan Omar
Anita Abu Hassan
Azyyati Anuar

Stock Market Volatility and Exchange Rate Regime in Malaysia : A Preliminary Analysis

Noor Zahirah Mohd Sidek
Norridzwan Abidin
Azli Umar

Product Quality Dimension Ranking: The Preference of National Motorcycle Brand Customers

Anita Abu Hassan
Mohd Rizaimy Shaharudin

Exploring Young Consumers' Purchase Intention towards Foreign Brands

Etty Harniza Harun
Nor Hidayah Abdullah

Penyesuaian Semula Repatriat untuk Kembali Bekerja di Tanah Air

Mahazir Ismail

Law

The position of a Child Offender under the Laws of Preventive Detention in Malaysia

Sarirah Che Ros
Irma Kamarudin

Surrogate Mother Makes Money by Making Baby: Do We Need a Clear Law on this?

Irma Kamarudin
Sarirah Che Ros

Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-kanak di Mahkamah Tinggi

Sarirah Che Ros

Education

Combating Plagiarism in the Classroom

Wong Soon Heng
Ho Chui Chui

Development of New Curriculum for Bachelor's Degree in Sustainable Design

Shahriman Zainal Abidin
Muhammad Fauzi Zainuddin
Hasnul Azwan Azizan

Revisiting Thinking Curriculum

Bawani Selvaraj

Hubungan antara Tahap Komitmen Guru Terhadap Organisasi dan Gaya Kepimpinan Guru Besar

Law Kuan Poh
Law Kuan Kheng

Others

*Design Through Research: Handpicking Tools
Case Study as Facilitator to Collaborative
Product Development*

*Azmir Mamat Nawi
Wan Zaiyana Mohd Yusof*

*Barisan Nasional di Ruang Maya: Isu-isu
Berbangkit di Facebook Menjelang Pilihanraya
Umum ke - 13*

*Badrul Azmier Mohamed@ Bakar
Azni Syafena Andin Salamat
Mujibu Abd. Muis
Mahazril 'Aini Yaacob
Nur Zaffa Kamaruzaman
Zaliha Hj. Hussin*

*Ibn Al-Athir Al-Jazari dan Sumbangannya
dalam Ilmu Gharib Al-Hadith*

*Siti Aisyah Yusof
Muhammad Saiful Islami Mohd
Taher*



ACADEMIC SERIES COMMITTEE UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KEDAH

Editor-in-Chief

Noor Zahirah Mohd Sidek (Dr.)
Aishah Musa

Advisory Board

| | |
|-------------------------|--|
| Aishah Musa | Suhardi Wan Mansor |
| Dahlia Ibrahim | Syakirah Mohamed |
| Daing Maruak Sadek | Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady |
| Junaida Ismail | Prof. Madya Wan Faizah Wan Abdullah |
| Mahadir Ladisma | Prof. Madya Wan Zulkipli Wan Salleh |
| Mohd Rizaimy Shaharudin | Wong Soon Heng |
| Nizar Nazrin | Zanariah Idrus |
| Sarirah Che Ros | Graphic |
| | Asrol Hasan |

Special Tasks

| | |
|---------------------|----------------------------|
| Aishah Musa | Sharina Saad |
| Bawani Selvaraj | Siti Ajar Ikhsan (USM) |
| Ho Chui Chui | Suzana Muhammad (Dr., USM) |
| Nurazila Abdul Aziz | Syazliyati Ibrahim |
| Rita Maria Dourado | |

Review Board

| | |
|--|---|
| Abdul Ghani Abdullah (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Sains Malaysia | Mohd. Asmadi Yakob (Dr.) Universiti Teknologi MARA |
| Ahmad Azman Mokhtar (Dr.) Universiti Teknologi MARA | Norzaidi Mohd Daud (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Teknologi MARA |
| Anita Abdul Rahim (Dr.) Universiti Kebangsaan Malaysia | Shahriman Zainal Abidin (Dr.) Universiti Teknologi MARA |
| Che Thalbi Md. Ismail (Dr.) Universiti Utara Malaysia | Shahrina Md. Nordin (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Teknologi Petronas |
| Ferry Jie (Dr.) Royal Melbourne Institute of Technology, Australia | Sivamurugan Pandian (Assoc. Prof. Dr.) Universiti Sains Malaysia |
| Jamaludin Akbar (Dr.) Universiti Teknologi MARA | Siti Suhaily Surip Universiti Sains Malaysia |
| Mahazir Ismail (Dr.) Universiti Teknologi MARA | Zarina Mustafa (Dr.) Universiti Sains Malaysia |

Copyright © 2011 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© *Voice of Academia* is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Kedah and Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

| CONTENTS | PAGE |
|---|-------------|
| <hr/> | |
| <i>Economics, Business & Finance</i> | |
| Warranty and its Effect towards Customer Satisfaction in Malaysia's Electronic Industry | 1 |
| Stock Market Volatility and Exchange Rate Regime in Malaysia : A Preliminary Analysis | 17 |
| Product Quality Dimension Ranking: The Preference of National Motorcycle Brand Customers | 31 |
| Exploring Young Consumers' Purchase Intention towards Foreign Brands | 39 |
| Penyesuaian Semula Repatriat untuk Kembali Bekerja di Tanah Air | 57 |
| <hr/> | |
| <i>Law</i> | |
| The position of a Child Offender under the Laws of Preventive Detention in Malaysia | 83 |
| Surrogate Mother Makes Money by Making Baby: Do We Need a Clear Law on this? | 95 |
| Prosedur Perbicaraan Kes Jenayah Kanak-kanak di Mahkamah Tinggi | 109 |
| <hr/> | |
| <i>Education</i> | |
| Combating Plagiarism in the Classroom | 125 |
| Development of New Curriculum for Bachelor's Degree in Sustainable Design | 135 |
| Revisiting Thinking Curriculum | 153 |
| Hubungan antara Tahap Komitmen Guru Terhadap Organisasi dan Gaya Kepimpinan Guru Besar | 161 |
| <hr/> | |
| <i>Others</i> | |
| Design Through Research: Handpicking Tools Case Study as Facilitator to Collaborative Product Development | 181 |
| Barisan Nasional di Ruang Maya: Isu-isu Berbangkit di Facebook Menjelang Pilihanraya Umum ke - 13 | 191 |
| Ibn Al-Athir Al-Jazari dan Sumbangannya dalam Ilmu Gharib Al-Hadith | 205 |

A series of thin, overlapping grey lines that create a sense of motion and depth, flowing across the page behind the main text.

Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

A stylized, grey silhouette of a modern university building with a grid-like facade, positioned in the bottom right corner of the page.



Voice of
Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah



Ibn Al-Athir Al-Jazari dan Sumbangannya Dalam Ilmu *Gharib Al-Hadith*

Siti Aisyah Yusof (Corresponding author)

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA Kedah
Peti Surat 187, 08400 Merbok, Kedah
Tel: +060193565 308 E-mail: aisyah421@kedah.uitm.edu.my

Muhammad Saiful Islami Mohd Taher

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA Kedah
Peti Surat 187, 08400 Merbok, Kedah
Tel: +060193575 308 E-mail: msaiful0860@kedah.uitm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan mendedahkan sumbangan tokoh ulama silam Ibn al-Athir al-Jazari dalam ilmu Gharib al-Hadith melalui karyanya yang berjudul al-Nihayah Fi Gharib al-Hadith wa al-Athar. Ilmu Gharib al-Hadith ialah satu cabang ilmu yang penting dalam memahami kandungan dan ungkapan ganjil dan pelik yang terdapat dalam hadith. Ibn al-Athir berjaya menghasilkan kitab yang tinggi nilainya dalam bidang Gharib al-Hadith. Karya beliau lebih sistematik, tersusun dan lebih tepat sebagai rujukan yang lengkap untuk mengetahui makna lafaz gharib dengan lebih tepat dan cepat. Ia juga mengutamakan lafaz gharib yang terdapat dalam kitab hadis sahih dengan merujuk pelbagai sumber seperti kitab al-Sahihayn, kitab-kitab gharib yang terdahulu, pendapat pakar bahasa, ulama' fiqh dan sebagainya. Justeru artikel ini memberikan input yang berguna dalam memahami makna hadith melalui ilmu Gharib al-Hadith.

Kata kunci: Ibn al-Athir, ilmu *Gharib al-Hadith*, kitab *al-Nihayah Fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*

1. Pendahuluan

Memahami kandungan hadith merupakan suatu keperluan yang sangat penting dalam usaha memperkembangkan ajaran Islam dan menentukan hukum-hakam yang terkandung di dalam al-Quran. Kesungguhan ulama silam dalam memahamkan masyarakat terhadap kandungan hadith yang mempunyai perkataan pelik atau dikenali sebagai gharib dalam hadith telah mendorong mereka untuk menghasilkan karya yang berkaitan dengan ilmu Gharib al-Hadith. Walau bagaimanapun, masyarakat Islam kini kebanyakannya tidak mengetahui kepentingan ilmu tersebut dan tidak merujuk kitab-kitab muktabar dalam memahami intipati hadith. Segelintir masyarakat mentafsirkan makna hadith sewenang-wenangnya tanpa membuat rujukan yang berautoriti. Kesannya wujud masyarakat Islam yang tidak dapat memahami maksud dan intipati hadith yang sebenar.

Oleh itu, artikel ini penting bagi menjelaskan kepentingan ilmu *Gharib al-Hadith* melalui hasil karya tokoh ulama' hadith yang terkenal iaitu kitab *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Artikel ini juga mendedahkan ketokohan penulis hasil karya tersebut yang terkenal pada abad ketujuh Hijrah iaitu Majd al-Din, al-Mubarak bin Muhammad Ibn al-Athir al-Jazari. Melalui penelitian latar belakang dan sejarah hidup tokoh tersebut dapat membantu menyuntik semangat dan motivasi kepada umat Islam untuk mendalami ilmu-ilmu Islam.

2. Biografi Ibn Al-Athir Al-Jazari

Nama penuh beliau ialah al-Mubarak bin Muhammad bin Muhammad bin `Abd al-Karim bin `Abd al-Wahid Abu al-Sa`adat bin Abi al-Karam al-Jazari al-Mawsili (Yaqut, 1937: 7/71 ; al-Qifti, 1955: 3/257). Beliau dilahirkan di Jazari dan kemudiannya berpindah ke Mawsil (Ibn Kathir, 1987: 13/54; al-Suyuti, 1965: 2/274). Ayah beliau berasal dari Jazirah Ibn `Umar. Beliau digelar sebagai Majd al-Din, tetapi lebih terkenal dengan nama Ibn al-Athir (Yaqut, 1937: 71; Ibn al-Furat, 1970: 100).

2.1 *Kelahiran*

Kebanyakan sejarawan sepakat mengatakan tarikh kelahiran Ibn al-Athir adalah pada tahun 544H iaitu berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada saudara beliau yang bernama `Izz al-Din Abu al-Hasan `Ali.

Menurut beliau, Ibn al-Athir dilahirkan pada bulan Rabi` tahun 544H di Jazirah (Ibn al-Athir, 1979:12/288; al-Mundhiri, 1984: 4/191). Ibn al-Athir menetap di Jazirah Ibn `Umar selama 20 tahun. Kemudian beliau berpindah ke Mawsil di suatu kawasan yang dinamakan Darb Diraj pada tahun 565H. Setelah berpindah ke Mawsil, beliau menetap di tempat tersebut sehinggalah penghujung usianya dan meninggal di sana (Yaqut, 1937:7/71).

2.2 *Keluarga*

Keluarga Ibn al-Athir berasal dari Jazirah Ibn `Umar. Namun demikian tiada maklumat yang jelas tentang ahli keluarganya. Ayah beliau bernama Muhammad bin Muhammad. Ayah beliau pernah berkhidmat sebagai ketua mahkamah besar (*Diwan*) di Madinah al-Munawwarah semasa pemerintahan Qutb al-Din Mawdud bin Zankiy iaitu raja negeri Mawsil (Ibn al-Athir`Izz al-Din, 1979: 1/10).

Ibn al-Athir merupakan anak pertama daripada tiga beradik. Beliau terkenal dengan nama Ibn al-Athir dalam bidang hadith. Saudaranya yang kedua ialah `Ali bin Muhammad al-Syaibani yang digelar sebagai Abu al-Hasan dan dipanggil dengan nama `Izz al-Din. Abu al-Hasan juga terkenal dengan nama Ibn al-Athir al-Jazari dalam bidang ilmu sejarah. Beliau dilahirkan di Jazirah Ibn `Umar pada hari keempat bulan Jamadil Awwal tahun 555H. Beliau meninggal dunia pada bulan Sya`ban tahun 630H pada usia 75 tahun. Saudara Ibn al-Athir yang ketiga ialah Diya` al-Din, Abu al-Fath Nasr Allah. Beliau dilahirkan pada 558H di Jazirah. Diya` al-Din juga dikenali sebagai Ibn al-Athir dalam dunia kesusasteraan bahasa Arab. Beliau meninggal pada salah satu bulan Jamadi tahun 637H (Ibn al-Athir `Izz al-Din, 1979:1/11).

2.3 *Pekerjaan*

Ibn al-Athir merupakan seorang ulama' yang telah berkhidmat di bawah pemerintahan beberapa orang raja. Beliau juga seorang pengarang kitab yang mampu mengarang pelbagai bidang ilmu. Penglibatan beliau dalam dunia penulisan menjadikan beliau masyhur dan terkenal khususnya di Mawsil (Yaqut, 1937; 7/71; al-Qifti, 1955: 3/258).

Ibn al-Athir pernah menjadi ketua bendahara pada zaman pemerintahan Sayf al-Din al-Ghazi bin Mawdud. Beliau kemudiannya mengetuai

mahkamah besar (*Diwan*) di Jazirah dan menetap di sana. Apabila beliau kembali ke Mawsil, beliau mula berkhidmat di Mahkamah Menteri di bawah menteri Jalal al-Din `Ali al-Asbahani. Seterusnya beliau terus menyambung khidmatnya di bawah beberapa orang pemerintah. Jawatan-jawatan dalam pemerintahan yang disandang oleh Ibn al-Athir menjadikan kedudukan beliau tinggi dan terkenal pada mata masyarakat (Ibn al-Furat, 1970: 101).

2.4 *Latar Belakang Pendidikan*

Latar belakang pendidikan Ibn al-Athir sejak kecil tidak diketahui. Tetapi para sejarawan menyebut pendidikan Ibn al-Athir secara umum. Menurut Yaqut, salah seorang saudara Ibn al-Athir iaitu `Izz al-Din telah memberitahunya bahawa Ibn al-Athir mempelajari ilmu sastera atau Nahu daripada Nasih al-Din Sa`id Ibn al-Dahhan al-Baghdadi (569H), Abi al-Hazm Makki bin al-Rayyan (603H) dan daripada Ibn Sa`dun al-Maghribi al-Qurtubi (567H)(Yaqut, 1937: 7/72).

Setelah mendapat pendidikan di Jazirah, beliau kemudiannya berpindah ke Mawsil dan menetap di sana. Di Mawsil, beliau mempelajari hadith secara mendengar (*sima`i*) daripada satu kumpulan ulama` hadith. Antara guru beliau adalah al-Khatib Abi al-Fadl `Abd Allah al-Tusi (579H) dan Ibn Sa`dun al-Qurtubi (567H). Setelah beliau kembali ke Baghdad, beliau pergi menunaikan haji dan kemudiannya menuntut ilmu di Baghdad daripada sekumpulan ulama` seperti Abi al-Qasim sahib Ibn al-Khal, `Abd al-Wahab Ibn Sukainah (607H), Ibn Kulayb dan lain-lain. Kemudian beliau kembali ke Mawsil dan mula mengajar ilmu yang dipelajarinya. Beliau juga mula menulis kitab dalam ilmu Nahu, *Gharib al-Hadith* dan *Hadith al-Nabawi* dengan gih (Yaqut, 1937: 7/72).

Menurut Imam al-Dhahabi, Ibn al-Athir mempelajari enam kitab hadith yang utama daripada beberapa orang ulama` hadith lain antaranya adalah kitab *Sahih al-Bukhari* yang dipelajari daripada Ibn Saraya dan Abi al-Wakt, kitab *Sahih Muslim* dipelajari daripada Abi Yasar bin Abi Hibbah, Isma`il ibn al-Samarqand, al-Tunkuti, Abi al-Husayn `Abd al-Ghafar dan kemudiannya berguru dengan Ibn Sukainah. Beliau juga mengambil ijazah daripada al-Furawiy. Kitab *al-Muwatta`* pula dipelajari daripada Ibn Sa`dun dan Ibn `Attab. Manakala kitab *Sunan Abi Dawud* dan *al-Turmudhi* beliau pelajarinya daripada Ibn Sukainah. Kitab yang terakhir iaitu kitab *Sunan*

al-Nasa'i dipelajari daripada Ya'ish bin Sadaqah (Al-Zahrani, 1996: 91-143).

2.5 *Murid-Murid*

Ramai ulama' menuntut ilmu dengan Ibn al-Athir. Kebanyakan ahli sejarah tidak mencatatkan dengan jelas jumlah murid yang pernah berguru dengan Ibn al-Athir. Antara murid yang disebut adalah:

- i. Anak lelaki beliau.
- ii. Fakhr al-Din bin al-Bukhari (690H).
- iii. Al-Syihab al-Tusi al-Syafi'i (596H).
- iv. Al-Qifti Jamal al-Din `Ali bin Yusuf al-Syaybani (646H) (al-Dhahabi, 1996: 23/227).
- v. Imam Taj al-Din `Abd al-Muhsin bin Muhammad bin Muhammad bin al-Hamid.

2.6 *Keperibadian Dan Akhlak*

Menurut al-Qifti (1955: 3/258), Ibn al-Athir seorang yang suka melakukan kebajikan berdasarkan sumbangan beliau yang mewakafkan barang miliknya kepada yang memerlukan dan pembinaan ribat iaitu tempat khusus bagi menempatkan barang yang telah diwakafkan. Al-Qifti juga menyebut bahawa Ibn al-Athir seorang yang redha dan menerima apa sahaja ketentuan takdir yang berlaku ke atas dirinya. Beliau juga redha dengan rezeki yang diperolehnya.

2.7 *Hasil Karya dan Penulisan*

Antara hasil karya beliau adalah:

- i) Kitab *Jami` al-Usul fi Ahadith al-Rasul* (Yaqut, 1930: 241).
- ii) Kitab *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*.
- iii) *Al-Insaf fi al-Jam`u Bayn al-Kasyf wa al-Kasysyaf* (*Tafsir al-Tha`labi dan al-Zamakhsyari*).
- iv) *Al-Badi`, fi Syarh al-Fusul li Ibn al-Dahhan*.
- v) *Al-Mustafa al-Mukhtar fi al-`Ad`iyah wa al-Adhkar*.
- vi) *Al-Syafi` fi Syarhan li Musnad al-Syafi`i*.
- vii) *Al-Furuq fi al-Abniyah*.
- viii) *Al-Adhwa` wa al-Dhawat*.

- ix) Diwan Rasail.
- x) Al-Mukhtar fi Manaqib al-Akhyar.

2.8 *Penyakit yang dialami*

Ibn al-Athir al-Jazari mengalami penyakit ‘Niqris’ yang mengakibatkan sendi-sendi tulangnya kaku pada penghujung usianya. Kesannya kaki dan tangan beliau tidak dapat berfungsi dan bergerak secara normal, namun ia tidak menghalang Ibn al-Athir aktif dalam bidang penulisan. Pada awalnya Ibn al-Athir menjalani rawatan terhadap penyakitnya. Tetapi sebelum penyakit tersebut sembuh sepenuhnya, Ibn al-Athir menyatakan hasratnya kepada saudaranya Abu al-Hasan untuk menghentikan rawatan tersebut. Mendengar kata-kata Ibn al-Athir tersebut saudaranya terus bertanya beliau kembali, “*Kenapa engkau mahu berbuat demikian, sedangkan penyakitmu hampir sembuh?*”

Ibn al-Athir lantas berkata kepada saudaranya:

“Kata-katamu benar, tetapi aku lebih selesa dengan keadaanku seperti ini (keadaan sakit). Keadaan ini menyebabkan pembesar-pembesar dan ramai para ulama` terpaksa datang berjumpa aku. Aku rasa tenang jika tidak pergi ke istana. Sebelum ini, aku sihat dan dihina kerana aku pergi menemui mereka. Sekarang aku menetap di rumahku dan sekiranya mereka ada urusan penting, mereka pula akan datang kepadaku untuk meminta pendapatku. Kedua-dua keadaan ini banyak perbezaannya. Oleh itu, bagiku rawatan ini tidak perlu diteruskan lagi. Lagipun usiaku hampir ke penghujung usia, biarkanlah aku menghabiskan saki baki hidupku dalam keadaan merdeka, selamat sejahtera daripada sebarang celaan dan kehinaan. Aku sangat beruntung dengan peluang yang ada ini.”

Mendengar kata-kata dan alasan yang diberikan oleh Ibn al-Athir maka Abu al-Hasan pun menerima permintaan Ibn al-Athir dan menolak rawatan tabib tersebut dengan cara yang baik (al-Qifti, 1955: 3/259). Penyakit yang dialaminya telah memberikan beliau peluang untuk menghasilkan karya-karya yang baik. Menurut Ibn Khallikan (t.t.: 4/142), ketika waktu sakitnya, banyak karya yang dapat dihasilkan berbanding ketika sihatnya dengan dibantu oleh beberapa orang pembantu untuk menulis hasil karangannya.

2.9 Kewafatan

Kebanyakan ahli sejarahwan termasuklah saudara Ibn al-Athir, `Izz al-Din menyatakan bahawa Ibn al-Athir meninggal dunia pada tahun 606H iaitu pada hari Khamis pada penghujung bulan Zulhijjah. Beliau meninggal dunia di Mawsil dan dikebumikan di ribatnya yang terletak di Darb Diraj. Ketika itu usianya 63 tahun (al-Dhahabi, 1996: 21/491).

3. Ilmu Gharib Al-Hadith

Seterusnya artikel ini akan membincangkan ilmu *Gharib al-Hadith*. Ia termasuk dalam pengajian '*Ulum al-Hadith* atau *al-Dirayah al-Mataniah* iaitu ilmu yang membincangkan hadith dari sudut matan. Pada dasarnya ilmu hadith terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu:

- i) Ilmu yang dikaji dari segi sanad: Ia terdiri daripada ilmu *Tarikh al-Ruwwah* atau ilmu *Rijal al-Hadith*, ilmu *al-Jarh wa al-Ta`dil* dan ilmu *Ilal al-Hadith*.
- ii) Ilmu yang mengkaji matan pula terdiri daripada ilmu *Gharib al-Hadith*, ilmu *Mukhtalaf al-Hadith* dan ilmu *Nasikh wa Mansukh al-Hadith* (Muhammad Adib Salih, 1973: 74-86).

3.1 Pengertian Ilmu Gharib al-Hadith

Ilmu Gharib al-Hadith terdiri daripada dua perkataan iaitu al-Hadith dan Gharib. Menurut Dr. Abu al-Layth al-Khayr Abadi (2003: 323), perkataan Gharib (غريب) ialah kata sifat yang berasal daripada perkataan (غرِبَ). Perkataan ini membawa maksud (غمض وخفي) iaitu susah dan tersembunyi. Dari segi etimologi, perkataan Gharib bermakna jauh daripada kaum kerabat iaitu lafaz hadith yang mempunyai makna yang tersembunyi (al-Sabban, 1999: 138). Dari segi terminologi, ilmu Gharib al-Hadith membawa erti sesuatu ungkapan yang terdapat dalam matan hadith yang sukar difahami kerana kurangnya penggunaan ungkapan tersebut (Ibn al-Salah, 2003: 285).

Sesetengah ulama seperti Syeikh Tahir al-Jazairi, Dr. Muhammad `Ajjaj al-Khatib dan beberapa ulama lain mendefinisikan ilmu Gharib al-Hadith sebagai suatu ilmu yang menjelaskan makna yang tersembunyi dalam lafaz hadith Rasulullah SAW (al-Khatib, 2001: 181). Dr. Muhammad

Matar al-Zahrani mentakrifkan kitab gharib sebagai suatu kitab yang mengumpulkan kalimah yang susah difahami maknanya. Kitab ini juga menafsirkan dan menjelaskan kemusykilan terhadap makna yang wujud dalam lafaz tersebut sama ada daripada al-Quran atau al-Hadith (al-Zahrani, 1996: 271).

Imam Abu Sulayman al-Khattabi (388H) menyatakan bahawa gharib dari segi percakapan ialah sesuatu yang sukar untuk difahami. Menurut beliau, gharib dari segi ini terbahagi kepada dua keadaan. Keadaan yang pertama ialah sesuatu yang susah dan sukar difahami, melainkan dengan meneliti maknanya terlebih dahulu. Keadaan yang kedua ialah seseorang yang menetap jauh dari perkampungan kabilah-kabilah Arab dan akan berasa sukar memahami percakapan yang tidak pernah didengarinya (Bakri Syeikh Amin, 1979: 68-69). Ilmu Gharib al-Hadith merangkumi makna bagi kedua-dua keadaan tersebut.

Berdasarkan pengertian tersebut, Gharib al-Hadith merujuk perkataan yang susah difahami yang terdapat dalam matan hadith. Ia sebahagian daripada ilmu matan dan tidak termasuk dalam ilmu Hadith al-Gharib iaitu satu ilmu pecahan daripada ilmu sanad (Mahmud al-Qudah, 2003: 114).

3.2 Sejarah Ilmu Gharib al-Hadith

Ilmu Gharib al-Hadith ialah sebahagian daripada cabang ilmu hadith yang mula muncul selepas kewafatan Rasulullah SAW. Sebelum kewafatan Rasulullah SAW, lafaz gharib dalam hadith dalam kalangan orang Arab tidak wujud. Hal ni kerana Rasulullah SAW telah menjelaskan setiap kesulitan dan kemusykilan yang timbul dalam kalangan para sahabat terhadap makna lafaz hadith (Ibn al-Athir al-Jazari, 2001: 22).

Pada zaman sahabat, tidak wujud lagi ilmu khusus mengenai lafaz gharib dalam hadith kerana para sahabat mampu memahami hadith-hadith yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Setelah kerajaan Islam meluaskan kuasanya ke seluruh benua khususnya pada zaman tabi`in, terdapat umat Islam yang tidak dapat memahami lafaz-lafaz hadith yang pelik atau gharib (Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi, 2003: 323). Kebanyakan mereka adalah daripada kalangan bukan bangsa Arab iaitu seperti Rom, Parsi dan sebagainya. Mereka memeluk agama Islam dan turut mempelajari

serta memahami bahasa Arab. Komunikasi antara pelbagai bangsa ini mewujudkan percampuran bahasa dalam perbualan seharian. Keadaan ini menjadikan bahasa Arab banyak bercampur dengan bahasa asing. Pada zaman tersebut juga tidak ramai yang menguasai bahasa Arab fushah dan mulai lupa pada bahasa Arab. Mereka hanya memahami kalimah yang biasa digunakan dalam perbualan seharian (Ibn al-Athir al-Jazari, 2001: 22).

Kalimah-kalimah pelik yang terdapat dalam hadith hanya diketahui oleh segelintir yang berketurunan Arab. Kewujudan situasi ini mampu menggugat kedudukan hadith sebagai sumber perundangan dalam Islam. Oleh yang demikian, para ulama mula berusaha untuk menjelaskan dan menerangkan makna kalimah-kalimah pelik dalam hasil karya mereka (Muhammad `Ajjaj al-Khatib, 2001: 181).

3.3 *Pandangan Ulama Mengenai Ilmu Gharib Al-Hadith*

Ilmu Gharib al-Hadith penting untuk menjaga dan memelihara maksud sebenar lafaz-lafaz hadith. Caranya adalah dengan merujuk ulama' yang mendalami ilmu tersebut sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam Ahmad bin Hanbal 241H (al-Khatib, 2001: 181), katanya:

سلوا أصحاب الغريب , فإنى أكره أن أتكلم في قول رسول الله صلى الله عليه وسلم بالظن فأخطئ .

Ertinya:

“Tanyakanlah kepada seseorang yang lebih mengetahui al-Gharib (iaitu ahli dalam bidang tersebut), kerana aku tidak suka memperkatakan sesuatu mengenai sabda Rasulullah dengan sangkaan, maka aku tersilap”.

3.4 *Kaedah Utama Dalam Mentafsirkan Gharib Al-Hadith*

Para ulama' mentafsirkan lafaz Gharib dengan merujuk dua kaedah utama iaitu:

- i) Merujuk lafaz tersebut dalam riwayat hadith yang lain.

Makna lafaz gharib dapat dijelaskan dengan merujuk hadith lain sama ada daripada hadith yang sanadnya berlainan dengan hadith yang bermatan gharib tersebut atau melalui penjelasan daripada sahabat yang meriwayatkan hadith atau penjelasan daripada perawi hadith (Muhammad `Uthman

al-Khast, 1988: 125).

Sebagai contoh, pentafsiran mengenai lafaz al-Khabath (**الخبث**) dalam hadith riwayat Sayyidina `Abd Allah bin `Umar r.a. yang dikeluarkan oleh Imam al-Turmudhi dan Imam Abu Dawud mengenai bab bersuci atau al-Taharah (**الطهارة**) (Mustafa Sa`id al-Khan, 1999: 271) iaitu:

عن ابن عمر فقال : سمعتُ رسول الله صلى عليه وسلم... فقال رسول الله صلى عليه وسلم : ((إذا كان الماء فلتين لم يحمل الخبث))

Ertinya:

Daripada Ibn `Umar telah berkata aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Apabila terdapat air sebanyak dua kolah, maka ia tidak akan mengandungi kotoran”.(Tirmidhi,1997: 1/73)

Makna bagi lafaz al-Khabath (**الخبث**) dalam hadith tersebut adalah tidak jelas. Oleh itu, para ulama’ telah merujuk riwayat daripada Ubaydullah bin Abdullah bin Umar yang dikeluarkan oleh Ibn Majah bagi menjelaskan maksud lafaz tersebut sebagaimana yang berikut:

عن عبيد الله بن عبد الله بن عمر... فقال رسول الله صلى عليه وسلم ((إذا بلغ الماء فلتين لم ينجسه شيء)).

Ertinya:

Daripada Ubaydullah bin Abdullah bin Umar ... Rasulullah SAW bersabda: Apabila mencukupi air sebanyak dua kolah, maka ia tidak menjadi najis.”(Abu `Abdullah ,1992 : 17/172)

Berdasarkan hadith tersebut, lafaz al-Khabth (**الخبث**) dapat dijelaskan dengan lafaz (**يُنَجِّسُهُ شَيْءٌ**) daripada hadith yang dikeluarkan oleh Ibn Majah yang bermakna najis.

ii) Merujuk pakar Bahasa Arab dan orang Arab.

Sebagai contoh, pentafsiran mengenai lafaz (**بُغَيْشٍ**) dalam hadith Rasulullah s.a.w.:

ثنا ابو المليلح البهذلي عن ابيه قال كنا مع النبي صلى عليه وسلم فاصبنا بُغَيْشٍ من مطر فنادى منادى النبي صلى عليه وسلم ونحن في سفر: من شاء ان يصلني في رحله فليفعل.

Makna lafaz (بُغَيْشٌ) dalam hadith tersebut mengikut pakar bahasa ialah (المَطْر) yang bermakna hujan (al-Naysaburi, 1980: 89) .

4. Sumbangan Ibn Al-Athir Dalam Bidang Ilmu Gharib Al-Hadith Melalui Karyanya Yang Bertajuk “Al-Nihayah Fi Gharib Al-Hadith Wa Al-Athar”

4.1 Objektif Penulisan

Tujuan Ibn al-Athir menghasilkan kitab gharib ini adalah untuk mengumpulkan lafaz Gharib al-Hadith daripada dua kitab utama iaitu kitab al-Jam`u Bayn Gharibayn susunan Abu `Ubayd al-Harawi (401H) dan kitab al-Mughith fi Gharib al-Qur`an wa al-Hadith susunan Abu Musa Muhammad al-Asfahani (581H).

Kitab Imam al-Harawi mengandungi lafaz gharib yang dikumpul daripada tiga kitab utama sebelumnya iaitu kitab Gharib al-Hadith oleh Abu `Ubayd (223/224H), kitab susunan al-Dinawary (276H) dan kitab susunan al-Khattabi (388H). Imam al-Harawi juga menyusun kitab dengan lebih sistematik agar lebih mudah dirujuk. Manakala kitab susunan Imam Abu Musa al-Asfahani (581H) merupakan pelengkap kepada kitab Imam al-Harawi, iaitu dengan mengumpulkan lafaz yang tiada di dalam kitab Imam al-Harawi dan menambah penjelasan yang perlu. Kedua-dua kitab ini mempunyai jilid yang banyak dan memerlukan masa yang lama untuk dirujuk. Oleh itu bagi memudahkan para pengkaji merujuk lafaz gharib dalam satu masa, Ibn al-Athir cuba mengumpulkan lafaz gharib daripada kedua-dua kitab tersebut.

Selain itu, penulisan Ibn al-Athir juga bertujuan mengumpul lafaz gharib yang diambil daripada hadith sahih sahaja seperti Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Lafaz dan penjelasan yang disebut disusun mengikut susunan mu`jam atau huruf abjad yang terdiri daripada 28 huruf. Dalam setiap huruf, mengandungi bab yang juga disusun mengikut susunan mu`jam. Terdapat 578 bab dalam kitab ini yang mengandungi 4333 patah perkataan lafaz gharib. Cetusan idea ini menghasilkan kitab yang lebih sempurna dan lebih sistematik berbanding kitab sebelumnya (Ibn al-Athir, 2001: 26).

4.2 *Rujukan bagi penulisan kitab ini*

Dalam menghasilkan penulisan kitab gharib ini, Ibn al-Athir merujuk beberapa buah kitab rujukan utama antaranya adalah:

- i) Dua kitab Gharib al-Hadith utama sebagai asas penulisan iaitu Kitab al-Jam`u bayn Gharibayn oleh Imam al-Harawi (401H) dan kitab al-Mughith fi Gharib al-Qur`an wa al-Hadith oleh Imam Abu Musa al-Asfahani (581H).
- ii) Kutub al-Sihhah iaitu Kitab Sahih al-Bukhari dan Kitab Sahih Muslim.
- iii) Kitab al-Sunan iaitu Sunan Abu Dawud, al-Turmudhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah.
- iv) Kitab al-Majami` dan al-Masanid seperti Imam Ahmad Ibn Hanbal, al-Darimi dan sebagainya.
- v) Merujuk kitab gharib yang terdahulu dan yang terkini seperti kitab al-Fa`iq fi Gharib al-Hadith oleh Abu al-Qasim al-Zamakhsyari (538H), kitab Gharib al-Hadith oleh Abu Sulayman al-Khattabi (388H) dan sebagainya.
- vi) Merujuk kitab-kitab al-Lughah (Bahasa Arab) dan sebagainya.

4.3 *Metodologi Penulisan*

Karya Ibn al-Athir ini mempunyai metodologi yang tersendiri dalam penulisan kitab Gharib al-Hadith. Antara metodologi penulisan tersebut adalah:

i) Susunan Kitab

Ibn al-Athir menyusun lafaz gharib mengikut huruf-huruf mu`jam (huruf abjad yang terdiri daripada 28 huruf) yang dimulai dengan abjad yang pertama iaitu huruf al-Hamzah (الهمزة) dan berakhir dengan huruf al-Ya' (الياء). Bagi setiap huruf, lafaz disusun mengikut bab yang disusun mengikut susunan huruf mu`jam.

ii) Rumuz

Ibn al-Athir menggunakan dua rumuz dalam penulisan kitab ini. Iaitu rumuz ((ه)) mewakili kitab Imam al-Harawi dan rumuz ((س)) mewakili kitab Abi Musa Muhammad al-Asfahani. Rumuz disebut selepas menyebut lafaz-lafaz gharib. Kemudian diikuti dengan matan atau nas hadith, seterusnya diikuti dengan penjelasan terhadap lafaz tersebut dan sebagainya.

iii) *Kaedah penulisan hadith*

Ibn al-Athir menulis hadith-hadith yang mengandungi lafaz-lafaz gharib selepas menyatakan lafaz Gharib al-Hadith dan rumuz. Beliau memetik hadith dengan pelbagai kaedah. Antaranya dengan menyebut matan atau nas hadith secara sempurna atau memetik sebahagian matan hadith yang mengandungi lafaz gharib sahaja. Sekiranya hadith tersebut tidak dikenali, beliau menyebut nama yang disandarkan kepada hadith tersebut tanpa menyebut rangkaian sanad hadith secara lengkap. Beliau juga menjelaskan kedudukan hadith tersebut atau yang berkaitan dengannya.

iv) *Kaedah-kaedah Lain Dalam Menghuraikan Lafaz Gharib*

Ibn al-Athir juga memetik beberapa sumber rujukan bagi menjelaskan makna lafaz-lafaz gharib hadith dalam penulisan kitab ini. Antaranya adalah:

- a) Kitab Hadith Utama iaitu kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i, Sunan Ibn Majah, kitab Musnad Imam Ahmad bin Hanbal dan sebagainya.
- b) Pendapat ulama' hadith dan Gharib al-Hadith seperti Imam al-Bukhari, al-Khattabi, Abu 'Ubaydah, Ibn Qutaybah, al-Zamakhsyari, Abu Musa al-Asfahani, al-Harawi, al-Asma'i, Hamzah al-Asfahani, al-Harbi dan sebagainya.
- c) Pendapat para ulama' Bahasa seperti al-Azhari, al-Jawhari, Ibn al-Anbari, Ibn al-'Arabi dan sebagainya.
- d) Pendapat daripada kalangan bangsa Arab.
- e) Petikan daripada al-Qur'an.
- f) Perumpamaan orang Arab.
- g) Qasidah.
- h) Syair para sahabat.
- i) Pandangan imam-imam fiqh seperti Imam al-Syafi'i, Imam Hanbali, Imam Maliki, Imam Hanafi dan sebagainya.
- j) Kata-kata para Sahabat, Tabi'in, Tabi' al-Tabi'in dan ulama' seperti Saidina 'Ali, Imam al-Syafi'i dan sebagainya dalam penjelasan lafaz gharib.
- k) Pandangan dari penduduk Iraq.

4.4 Pandangan ulama' terhadap kitab al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar

Ramai ulama' menyatakan keistimewaan dan kelebihan kitab ini. Antara pujian ulama' terhadap kitab ini adalah:

- i) Ibn al-Salah yang terkenal dengan kitab Muqaddimah Ibn al-Salah menyebut bahawa kitab al-Nihayah fi Gharib al-Hadith ialah kitab yang terbesar dalam bidang gharib al-Hadith dan yang paling baik (Harith Sulayman al-Dari, 2000: 157).
- ii) Ibn Kathir (1987: 113) pernah berkata: "Kitab yang mengumpulkan lafaz gharib al-Hadith terbesar ialah kitab al-Sihah oleh al-Jawhari dan kitab al-Nihayah oleh Ibn al-Athir".
- iii) Imam al-Suyuti (t.t.: 109) penyusun kitab al-Durr al-Nathir Talkhis Nihayah Ibn al-Athir juga menyebut: "Kitab ini (al-Nihayah) ialah kitab gharib yang terbaik, yang mengumpulkan semua lafaz gharib dan paling masyhur sehingga kini..."
- iv) Menurut Muhammad al-Sabbagh (1972: 148), kitab yang terbaik dalam mengumpulkan lafaz Gharib al-Hadith ialah al-Nihayah fi Gharib al-Hadith kerana menceritakan sejarah perkembangan ilmu Gharib al-Hadith dalam mukaddimahnyanya secara terperinci.

Berdasarkan beberapa sanjungan para ulama' di atas, jelaslah bahawa penulisan Ibn al-Athir merupakan kitab yang terbaik dalam bidang Gharib al-Hadith.

5. Kesimpulan

Kemunculan karya penulisan Ibn al-Athir jelas menjadi bukti kesungguhan para ulama' dalam menghasilkan kitab yang terbaik dari segi kandungan kitab, susunan dan sebagainya dalam bidang Gharib al-Hadith. Penulisan beliau yang lebih sistematik dan menghimpunkan faedah yang banyak sememangnya menjadi satu keperluan dalam dunia akademik kini. Kemampuan Ibn al-Athir dalam menghasilkan karya dengan kaedah penulisannya yang merangkumi semua rujukan utama memudahkan para pengkaji membuat rujukan dengan lebih cepat dan tepat.

Walaupun banyak hasil karya dalam bidang Gharib al-Hadith, namun kitab ini lebih kemas dan teliti dari segi kandungan dan rujukan

kitab. Kelebihan kitab ini yang menyempurnakan penulisan-penulisan gharib terdahulu telah memberikan manfaat yang sangat besar dalam bidang Gharib al-Hadith. Kekreatifan ulama' ini dalam menghimpunkan lafaz Gharib al-Hadith dalam kitab beliau Kitab al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar dan melakukan beberapa penambahan ke atasnya merupakan satu sumbangan terbaik dalam bidang pengkajian ilmu Gharib al-Hadith.

Rujukan

- Abu `Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Hafiz (1992). *Mawsu`ah al-Sunnah al-Kutub al-Sittah Wa Syuruhuh*, c.2, Istanbul: Dar Sahnun, j.17, *Sunan Ibn Majah, Kitab al-Taharah, Bab Miqdar al-Ma`al-Ladhi La Yunajjis*, no. hadith 517, h. 172.
- Bakri Syeikh Amin (1979). *Adab al-Hadith al-Nabawi*. c.4. Beirut: Dar al-Syuruk. h.60.
- Dhahabi, Abu `Abd Allah Syams al-Din Muhammad al- (1994). *Kitab Tadhkirah al-Huffaz*. Jilid 5. Dar Ihya`al-Turath al-`Arabi. h. 974.
- Dhahabi, Abu `Abd Allah Syams al-Din Muhammad al- (1996). *Siyar al-A`lam al-Nubala`*. c.11. Beirut: Muassasah al-Risalah. Jilid 21. h. 491.
- Fu`ad Ifram al-Bustani (1956). *Munjid al-Tullab*. c.3. Beirut: al-Maktabah al-Syarqiyyah. h. 516.
- Harith Sulayman al-Dari (Dr) (2000). *Muhadarat fi `Ulum al-Hadith*. c.4. Beirut: Dar al-Nafa`is. h. 157.
- Ibn al-Athir al-Jazari (2001). *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Syeikh Khalil Ma`mun Shaihan. c.1. Beirut: Dar al-Ma`rifah. h. 22 (Muqaddimah Ibn al-Athir).
- Ibn al-Athir, `Iz al-Din Abi al-Hasan `Ali (1979). *al-Kamil fi al-Tarikh*, Jilid 12. Beirut: Dar Sadir. h. 288.
- Ibn al-Furat, Nasir al-Din Muhammad bin `Abd al-Rahim (1970), *Tarikh Ibn al-Furat*, Hasan Muhammad (ed), jilid 9 . c.5. h.101.

Ibn al-Salah, Abi `Amr `Uthman bin `Abd al-Rahman al-Syahrhiri (2003). *Muqaddimah Ibn al-Salah fi `Ulum al-Hadith*. c.1. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah. h. 285.

Ibn Kathir, `Imad al-Din Isma`il Abu al-Fida` al-Hafiz al-Dimashq (1987). *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Jilid 13. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah. h. 54.

Mahmud al-Qudah (2003). *al-Manhaj al-Hadith fi `Ulum al-Hadith*. al-Bayan Corporation. h. 114.

Muhammad `Ajjaj al-Khatib (2001). *Usul al-Hadith: Ulumuh wa Mustalahuh*. Dar al-Fikr. h. 144 & 181.

Muhammad `Uthman al-Khast (1988), *Mafatih `Ulum al-Hadith wa Turuq Takhrijuh*. Kaherah: Dar al-Syuruq. h. 125.

Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi (2003). *`Ulum al-Hadith Usuluha wa Mu`asarah*. Dar al-Syakir. h. 323.

Muhammad Adib Salih (1973). *Lamahat fi Usul al-Hadith*. c.2. Beirut: al-Maktab al-Islami. h. 74-86.

Muhammad al- Sabbagh (1972). *al-Hadith al-Nabawi Mustalah Balaghatuh wa Kunniyah*. al-Maktab al-Islami. h. 148.

Mustafa Sa`id al-Khan (1999). *al-Idah fi `Ulum al-Hadith wa al-Istilah*. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib. h.271.

Qifti, Jamal al-Din Abi al-Hasan `Ali bin Yusuf al- (1955). *Inbah al-Ruwwah `ala Anbah al-Nuhah*. Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim. Jilid 3. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah. h. 257.

Sabban, Abi al-`Irfan Muhammad bin `Ali al- (1999). *Manzumah al-Sabban fi `Ilm Mustalah al-Hadith*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Imiyyah. h. 138.

Sayuti, Jalal al-Din `Abd al-Rahman al- (1965). *Bughyah al-Wu`at fi*

Tabaqat al-Lughawiyin wa al-Nuhah c.1. jilid 2. `Isa al-Babi al-Halabi. h. 274.

Suyuti, Jalal al-Din `Abd al-Rahman bin Abi Bakr al-(t.t), *Zayl Tadhkirah al-Huffaz li al-Dhahabi*, Lubnan: Dar Ihya` al-Turath al- Arabi. h. 109.

Tirmidhi, Imam al-Hafiz Abi Bakr Muhammad bin `Abd Allah bin Muhammad bin `Abd Allah (1997), *`Aridah al-Ahwahdi bi Syarh Sahih al-Turmudhi*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah , kitab al-Taharah, bab ke -50, no. hadith: 67, h. 73.

Yaqut Ibn `Abd Allah al-Hamawi al-Rumi (1937). *Mu`jam al-Udaba`* , Jilid 7. Kaherah: Maktabah `Isa al-Babi al-Halabi. h. 71.

Zahrani, Muhammad bin Matar al- (1996). *Tadwin al-Sunnah al-Nabawiyah*. Dar al-Hijrah. h. 217.

Zakiy al-Din `Abd al-`Azim bin `Abd al-Qawiy al-Mundhiri (1984). *al-Takmilah li Wafayat al-Naqalah*. c.3. jilid 4. Beirut: Muassasah al-Risalah. h. 191